



keloo
SP

	<p style="text-align: center;">SIARAN MEDIA Untuk maklumat lanjut sila hubungi: Bahagian Komunikasi Korporat Perbadanan Putrajaya Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8881 1008</p>
---	---

PERBADANAN PUTRAJAYA LANCAR BLUEPRINT PUTRAJAYA BANDAR PINTAR DAN PUTRAJAYA COMMAND CENTRE

PUTRAJAYA, 3 Oktober 2019 – Menteri Wilayah Persekutuan, YB Tuan Haji Khalid Bin Abdul Samad menyempurnakan pelancaran Blueprint Putrajaya Bandar Pintar, Putrajaya Command Centre (PCC) dan Digital Putrajaya Exhibition & Conference (DiPEC) 2019 di Dewan Seri Siantan, Kompleks Perbadanan Putrajaya, Presint 3.

Turut hadir Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), YBhg. Datuk Dr. Aminuddin bin Hassim, dan Naib Presiden Kanan PPj, YBhg. Dato' Omairi bin Hashim.

Pelan tindakan baharu bandar pintar ini menggariskan 93 inisiatif merentasi 7 domain antaranya Pengangkutan dan Mobiliti Pintar, Urus Tadbir Kerajaan Yang Cepak, Infrastruktur dan Utiliti Pintar Dengan Penggunaan Internet Of Things (IOT), Sistem Keselamatan Perbandaran Pintar dan Selamat, Ekonomi Dinamik dan Berdaya Maju, Komuniti Pintar serta Persekitaran Pintar. Sehingga kini, terdapat 28 inisiatif telah berjaya dilaksanakan.

Majlis juga turut menyaksikan pelancaran Putrajaya Command Centre (PCC). PCC merupakan salah satu inisiatif Blueprint Putrajaya Bandar Pintar yang berfungsi sebagai pusat pemantauan berpusat keseluruhan aktiviti-aktiviti perbandaran yang merangkumi pemantauan keselamatan, trafik, kualiti alam sekitar, infrastruktur dan bencana alam. PCC juga dilengkapi dengan teknologi-teknologi terkini seperti Smart CCTV, *Integrated Panic Button*, *Sensor Internet of Things (IoT)*, *Centralize Electronic Bulletin Board*, Teknologi LED *Videowall*, *work station* berdefinisi tinggi dilengkapi dengan alat kawalan CCTV dan alat komunikasi.

Sebanyak 262 CCTV yang dilengkapi dengan teknologi *Intelligent Video Analytic (IVA)* dan 39 unit *Panic Button* telah disambung ke PCC. Teknologi IVA akan membantu petugas mengesan insiden-insiden yang melibatkan keselamatan jalan raya dan memberi maklumat awal secara automatik sekiranya berlaku insiden-insiden yang mencurigakan.

Menjelang tahun 2020, PPj akan menambah sebanyak 200 CCTV dan 50 *Panic Button* sekaligus meningkatkan liputan pemantauan seluruh kawasan di Putrajaya.

Salah satu acara baharu anjuran PPj iaitu DiPEC julung kali diadakan selama 3 hari bermula dari 3 hingga 5 Oktober 2019 bertemakan "Building A Smarter City For The

Rakyat” bertujuan menggiatkan kolaborasi pihak swasta dan kerajaan melalui perkongsian maklumat, pengalaman serta teknologi-teknologi terkini dalam usaha meningkatkan kualiti hidup dan ke arah pembangunan mampan sebuah bandar.

Terdapat lebih 50 pameran teknologi-teknologi daripada institusi awam dan syarikat swasta. Selain dari itu, lebih daripada 30 orang pembentang akan membicarakan topik-topik berkaitan teknologi bandar raya pintar.

Blueprint Putrajaya Bandar Pintar boleh dimuat turun di <https://smart.putrajaya.my>. Maklumat lanjut mengenai Hari Terbuka Putrajaya, Karnival Putrajaya dan DiPEC, boleh dilayari di <https://pod.putrajaya.my>.

Untuk maklumat lanjut berhubung Majlis Pelancaran Blueprint Putrajaya Bandar Pintar, Putrajaya Command Centre (PCC) dan Digital Putrajaya Exhibition & Conference (DiPEC) 2019, sila hubungi En. Mohd Fairus Bin Mohd Padzil, Pegawai Media PPj di talian 03-8887 7347, e-mel m.fairus@ppj.gov.my.



(TENGGU AINA BINTI YTM TENGGU ISMAIL SHAH)

Pengarah

Bahagian Komunikasi Korporat

Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 02Oktober 2019